

UMS lahir modal insan kelas pertama

► Pastikan kecemerlangan dalam pelbagai bidang, termasuk dalam kalangan pelajar pascasiswazah

4B 12.7.2013 B4
KOTA KINABALU: Modal insan perlu memiliki pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keperibadian yang unggul dan dinamik.

Menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, keupayaan melahirkan modal insan kelas pertama seumpama itu akan memastikan kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi selaras dengan kepesatan pembangunan negara.

Katanya, UMS selaku Universiti Berinovatif turut berinisiatif untuk memastikan kecemerlangan dalam pelbagai bidang termasuk dalam kalangan para pelajar pascasiswazah.

“Sejajar dengan itu, terdapat 23 Projek Agenda Kritisikal (CAP) yang diberi penekanan oleh UMS seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

“Antara yang dititikberatkan di peringkat pascasiswazah ialah Pengantarabangsaan, MyBrain 15 dan Pembelajaran

“Sejajar dengan itu, terdapat 23 Projek Agenda Kritisikal (CAP) yang diberi penekanan oleh UMS seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Antara yang dititikberatkan di peringkat pascasiswazah ialah Pengantarabangsaan, MyBrain 15 dan Pembelajaran Sepanjang Hayat.”

PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

Sepanjang Hayat,” katanya pada Majlis Amanat Naib Canselor dan Lafaz Ikrar Pelajar Baharu Pascasiswazah Semester 1 Sesi 2013/2014.

Teks amanatnya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Haji Shariff Abdul Kadir S Omang Al-Haj.

Harun berkata, pihak universiti juga memikirkan strategi untuk menarik minat pelajar menyambung pengajian ke peringkat

pascasiswazah agar tidak berhenti di tahap ijazah pertama sahaja.

Katanya, ia termasuk pelaksanaan proses menanda aras terhadap program-program pascasiswazah bagi menentukan program-program yang ditawarkan berkualiti tinggi dan berdaya saing, sekali gus menyokong usaha kerajaan dalam meningkatkan tenaga pakar berpengetahuan tinggi.

“Untuk merealisasikan harapan ini, saya menyeru



ABDUL Kadir menyampaikan teks amanat Harun pada majlis itu.




KAMI Pelajar Pascasiswazah UMS.

kepada semua warga UMS supaya dapat memainkan peranan dalam usahamencapai misi dan visi universiti.

“Warga UMS yang saya maksudkan bukan sekadar para pentadbir, kakitangan akademik dan kakitangan sokongan semata-mata tetapi merangkumi pelajar prasiswazah dan anda semua,” katanya.

Turut hadir di majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof Dr Shahril Yusof dan Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah, Prof Datin Dr Mariam Abd Latif.

Pada kemasukan sesi 2013/2014, UMS menerima seramai 635 orang pelajar baharu pascasiswazah termasuk 20 pelajar antarabangsa.



PARA pelajar baharu Pascasiswazah UMS melafazkan ikrar dan Aku Janji.